

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

# Lagi NGO desak polis siasat Deklarasi Mahathir

UM-12/6/2016

**PULAU PINANG 11 Jun** - Persatuan Anak Muda Pulau Pinang (PAMPP) hari ini membuat laporan polis supaya siasatan segera dapat dilakukan berhubung dakwaan wujud urusan jual beli maklumat peribadi dan tandatangan palsu yang digunakan dalam 'Deklarasi Mahathir'.

Pengerusinya, Jahangir Abdul Syukur berkata, beliau yakin polis melalui Unit Forensik dapat me-

ntukan ketulenan setiap tandatangan dalam deklarasi itu sekali gus mengesahkan dakwaan tersebut.

Menurut beliau, pihaknya juga berharap setiap individu yang menandatangani deklarasi itu dapat dihubungi dan mengesahkan sendiri penyertaan mereka.

"Usaha ini penting memandangkan deklarasi itu menggunakan nama rakyat dan Yang di-Pertuan Agong.

"Kita tidak mahu rakyat tertipu dengan permainan licik pihak tertentu yang seolah-olah mahu melihat wujudnya situasi celaru di negara ini," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut di sini.

Beberapa akhbar pada 26 Mei lalu melaporkan, seorang pengatur cara komputer bebas

mengaku terlibat dengan urusan niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tandatangan bagi projek Deklarasi Mahathir.

Azharuddin Othman, 30, dilaporkan mendakwa, dia ditawarkan RM5,000 untuk menjual pangkalan data itu untuk tujuan pemalsuan tandatangan pada deklarasi tersebut yang akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.